

SUMBANGAN HAJI ABDUL KADIR BIN WANGAH DALAM MEMPERTAHANKAN AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMAAH: KAJIAN TERHADAP KITAB RISALAH MANHAJ AHLI SUNNAH

Abdul Mukti Bin Baharudin
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
abdulmukti@kuis.edu.my

Hajah Makiah Tussaripah binti Jamil
Universiti Teknologi Mara (UiTM)

ABSTRAK

Semenjak dahulu lagi ulama-ulama Nusantara amat konsisten dalam mempertahankan akidah Ahli Sunnah wal Jamaah, iaitu Asya'irah dan Maturidiyyah. Mereka memainkan peranan penting dalam menjelaskan akidah yang sahih sama ada menerusi *dakwah bil lisan* atau karya-karya yang dihasilkan. Kepelbagaian *maudhu'* yang diutarakan memberikan *impak* yang besar kepada masyarakat. Bahkan topik-topik yang dibincangkan oleh mereka mengikut keperluan dan kepentingan semasa. Di antara tokoh yang terkenal berjuang mempertahankan akidah Ahli Sunnah wal al-Jamaah di Alam Melayu ini ialah Haji Abdul Kadir bin Wangah bin Abdul Latif atau dikenali dengan Pak Dir Sekam. Banyak karya yang dihasilkan oleh beliau, khususnya dalam bidang Usuluddin. Objektif kajian ini adalah mengkaji sumbangan beliau dalam mempertahankan akidah Ahli Sunnah wal al-Jamaah. Kajian yang bersifat kualitatif deskriptif ini akan memfokuskan kepada salah satu karyanya, iaitu Risalah Manhaj Ahli Sunnah. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini ialah analisis teks, iaitu mengkaji kitab tersebut secara terperinci bagi mengetahui manhaj yang digunakan dalam membahaskan ayat-ayat *mutasyabihaat* di dalam al-Quran. Hasil kajian mendapati bahawa pengarang kitab ini menggunakan metode yang sesuai dalam menghuraikan secara mendalam kekhilafan yang berlaku dalam menafsirkan ayat-ayat *mutasyabihaat*. Kesimpulannya, beliau mempertahankan manhaj Ahli Sunnah wal Jamaah dalam menafsirkan ayat-ayat *mutasyabihaat* serta menentang keras fahaman *mujassimah*.

Kata kunci: *akidah, Ahli Sunnah wal al-Jamaah, mutasyabihaat, al-Quran.*

Pengenalan

Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Rasulullah s.a.w. bahawa ulama merupakan pewarisnya. Kewujudan mereka pada setiap generasi dan tempat seumpama mata rantai yang saling bersambung antara satu sama lain. Bahkan kehadiran mereka amat dinantikan dan dihajati oleh ummah. Mereka memainkan peranan yang amat penting dalam menyampaikan dan menyebarkan ajaran Islam yang sahih.

Maka tidak terkecuali di Nusantara, lahirnya banyak ulama yang berperanan memberikan sumbangan yang teramat besar dalam memberikan kefahaman Islam yang sebenar, khususnya dalam bidang akidah. Oleh kerana akidah merupakan tunjang dan asas kepada seseorang individu muslim, penekanan terhadapnya lebih diberikan perhatian. Lantaran itu lahirlah karya-karya akidah yang dihasilkan oleh ulama-ulama Nusantara dan ia terus menjadi sumber panduan dan rujukan sehingga ke hari ini.

Di antara tokoh yang amat dikenali dan disegani di Alam Melayu ialah Haji Abdul Kadir bin Wangah bin Abdul Latif atau dikenali dengan Pak Dir Sekam. Menurut Fathy (2002), beliau merupakan tokoh mutakhir Patani (sehingga penghujung abad ke 20) yang paling banyak menulis. Sumbangan dan kesungguhan beliau dalam mempertahankan akidah Ahli Sunnah wa al-Jamaah di Alam Melayu tidak dapat dinafikan dan dapat dilihat menerusi karya-karya akidah tersebut.

Kajian yang menggunakan metode kualitatif deskriptif ini akan memfokuskan kepada salah satu karya beliau iaitu Risalah Manhaj Ahli Sunnah, yang secara khususnya membincangkan perbahasan dan penafsiran ayat-ayat *mutasyabihat* di dalam al-Quran. Di samping itu, kajian ini turut mengupas dan menjelaskan pendirian beliau dalam memahami ayat-ayat *mutasyabihat* ini.

Biodata Haji Abdul Kadir Bin Wangah

Menurut apa yang tertulis pada karya-karya beliau, nama lengkap beliau ialah Haji Abdul Kadir bin Haji Wangah bin Abdul Latif bin Uthman dan lebih dikenali dengan panggilan “Haji Dir Sekam” atau “Ayah Dir Sekam”. Lahir pada 1340 H (bersamaan 1921) di Kampung Sekam (Fathy, 2002). Beliau meninggal dunia pada hari Khamis, *Rabi'ul Awwal* 1412 Hijrah bersamaan 26 September 1991 selepas menderita serangan angin ahmar selama 12 tahun. Namun begitu, walaupun dalam keadaan sakit dan dengan suara yang rosak dan pecah-pecah, beliau tetap mengajar sehingga ke malam Jumaat terakhir sebelum beliau wafat pada pagi hari Khamis berikutnya (Fathy, t.t).

Latar Belakang Pendidikan

Pendidikan awal beliau bermula di Pondok Balur. Beliau belajar dengan seorang ulama bernama Haji Ahmad bin Muhammad Darawi yang lebih dikenali dengan panggilan Tok Balur. Selepas 4 tahun beliau belajar di sana, beliau telah berpindah dan belajar pula dengan Haji Ahmad Kubang Pasir, Binjai Lima. Namun selepas 2 tahun, gurunya itu telah meninggal dunia. Selepas kematian gurunya itu, beliau telah menyambung pengajiannya di Pondok Perigi. Di sana beliau telah berguru dengan Tuan Guru Haji Ahmad bin Abd al-Wahhab al-Fusani iaitu seorang tokoh ulama terkenal dalam bidang usuluddin, qiraat dan ilmu falak di Patani ketika itu.

Pada tahun 1949, beliau telah menyambung pengajiannya di Kelantan dan berguru dengan Tuan Guru Haji Abdullah Tahir Bunut Payong yang merupakan seorang tokoh ulama terkenal dalam bidang Fiqh Syafie di sana. Ketika berada di Kelantan, beliau tidak hanya belajar di Bunut Payong sahaja, tetapi juga belajar dengan ulama-ulama lain seperti Haji Muhammad Nur Ibrahim Penambang (merupakan Mufti Negeri Kelantan) dan Haji Ali Solahuddin Pulau Pisang di Masjid Muhammadi di bandar Kota Bharu.

Pada tahun 1951 iaitu pada musim haji, beliau telah berangkat ke Mekah untuk menyambung pelajarannya di sana. Beliau telah belajar selama lima tahun di Mekah dan berguru dengan ramai ulama di sana. Di antara guru beliau adalah Sheikh Wan Ismail bin Wan Abd al-Qadir al-Fatani (lebih dikenali dengan Pak Da Eil) yang telah membimbingnya sehingga mahir di dalam bidang usuluddin dan ilmu alat (ilmu memahami bahasa arab seperti nahu, sorof, balaghah dan mantiq). Beliau juga lebih banyak berguru secara khusus atau dalam kumpulan kecil berbanding dalam halaqah yang besar. Menurut Haji Wan Nuh Kelaba (rakan beliau sewaktu sama-sama belajar di Pondok Balur), Haji Dir berada di Mekah selama lima tahun, iaitu berangkat pada akhir 1370 H (bersamaan awal 1951) dan pulang pada 1375 H (1955 M) (Fathy, 2002).

Sumbangan

Tidak dapat dinafikan lagi bahawa Ayah Dir Sekam telah memberikan sumbangan yang besar kepada Islam, khususnya dalam bidang usuluddin. Sumbangan beliau boleh dibahagikan kepada dua bentuk iaitu dakwah secara lisan dan penulisan karya-karya yang amat bernilai.

Apabila kembali ke Patani, beliau telah membuka pusat pengajian pondok yang diberi nama al-Ma`had al-Islami bertempat di kampung Waqaf Budi atau nama lainnya Selabudi, daerah Sekam, pekan Palas di Patani. Menurut Fathy (2002), beliau menjadi pengasuh atau Syeikh di pondoknya sehingga akhir hayat, iaitu kira-kira 35 tahun lamanya.

Kerana kefakihannya dalam bidang usuluddin, tidak hairanlah ia lebih menumpukan dakwahnya dalam bidang tersebut. Menurut murid yang juga menantunya Tuan Guru Ghazali Ahmad, beliau mengajar kedua-dua kitab iaitu kitab jawi dan kitab Arab. Di antara kitab yang digunakan ialah, *Faridah al-Faraid Fi Ilmi al-`Aqaid*, *Bakurah al-Amani li Irsyad `Awam Ahl al-Patani*, *Siraj al-Huda* pada menyatakan Akidah Ahl al-Ta`qwa, *Akidah al-Najin fi Ilmi Usul al-Din*, *Baijuri Syarah Matan al-Sanusi*, *Dusuki*, *Kifayatul `Awam*, *Jauharah al-Tauhid*, *Syarqawi `ala al-Hudhudi* dan lain-lain

Selain daripada ilmu usuluddin beliau juga mengajar kitab fiqh daripada sekecil-kecil kitab seperti *Fath al-Qarib syarah Matan Ghayah Wa al-Taqrrib* hinggalah kepada kitab-kitab yang besar seperti *Fath al-Wahhab*, *al-Iqna* dan *Mahalli*. Di samping itu beliau juga mengajar tafsir menggunakan kitab tafsir *al-Jalalain* kemudian kitab *Hasyiah Sowi `Ala Tafsir al-Jalalain* sehingga yang paling tinggi iaitu kitab *al-Futuhat al-Ilahiah bi Taudhih Tafsir al-Jalalain li al-Daqaiq al-Khafiyah* (juga dikenali dengan Hasyiah Jamal).

Di antara murid-murid yang telah dilahirkan di bawah didikannya ialah Tuan Guru `Abdul Rahman Pauh Manis, Rakak (Pengarang Kitab *Khulasoh at-Tauhid*), Tuan Guru Haji Husin Bendang Pedur, Tuan Guru Haji Ismail Sepanjang, Tuan Guru Abdul Wahhab Chenak, Tuan Guru Haji Ahmad Amanu, Baba Ismail Kok Tat, Chenak, Tuan Guru Abdul Aziz Ismail (lebih dikenali dengan Baba Aziz, menantu Ayah Dir - Pengarang Kitab *Misbah al-Munir*), Tuan Guru Haji Husin Ijok (menantunya), Baba Ghazali Ahmad. (menantunya dan penggantinya sebagai mudir di pondoknya sekarang) dan lain-lain.

Selain mengajar di pondoknya, beliau juga mengajar masyarakat awam di masjid-masjid, surau-surau dan balai raya sekitar tempat tinggalnya. Antaranya adalah masjid Jami` Bandar Fatani pada setiap hari Jumaat. Beliau menggunakan kitab-kitab pondok seperti *Faridah al-Faraid Fi Ilm al-`Aqaid*, *Bakurah al-Amani* dan *Siraj al-Huda* di dalam bidang akidah. Manakala di dalam bidang fiqh pula beliau menggunakan kitab *Kifayah al-Muhtadi*, *Maniyyat al-Musolli* dan *Matla` al-Badrin*.

Oleh kerana kepakarannya dalam bidang usuluddin, beliau bukan sahaja mengajar, bahkan turut mengarang kitab-kitab dalam bidang tersebut. Kitab-kitabnya itu telah banyak diterbitkan di Patani dan banyak digunakan di pondok-pondok di Patani dan Malaysia sehingga kini. Di antara kitab-kitabnya ialah *Mabda al-Fikrah Fi al-Maqulat al-`Asyarah*, *Mabhas al-Kalam Fi Ilm al-Kalam*, *Asas al-I`tiqad Li Dhu`afa al-Bilad*, *Cermin Suluhan Pada Menyatakan Hukum Sembelihan*, *Taqrib al-Ikhwan Fi Ta`lim `Aqaid al-Iman*, *Tashil al-Dhu`afa Waradda Ba`du Aqwal al-Sufaha*, *Ta`lim al-Aulad Fi Zikr Ba`du Aqwal al-`Ibad*, *Tabyin Kazb al-Muftari Fima Yata`allaqu Bi al-Bari*, *Tazkirah Lizawi al-afkar Fima Yamur al-insan Min al-A`mar*, *Wasail Ilm al-kalam Ra`fah Wa Rahmat Li al-`Awam*, *Risalah Manhaj ahl al-Sunnah*, *Irsyad al-Jawiyin Ila Sabil al-`Ulama al-`Aamilin*.

Akidah Ahli Sunnah Wa Al-Jamaah

Ahli Sunnah Wa al-Jamaah merupakan istilah yang telah dimaklumi oleh umat Islam sejak dahulu lagi. Dalam membicarakan asal usul nama tersebut, Idrus (2011) menyatakan bahawa tiada hadis sahih yang menyebut secara terang dan jelas istilah ini, dan ia hakikatnya datang daripada ulama terdahulu, namun ia telah diterima pakai oleh ulama-ulama sepanjang zaman.

Dalam mendefinisikan makna Ahli Sunnah wa al-Jamaah, telah berlaku perbincangan di kalangan ulama usuluddin. Secara umumnya dapatlah disimpulkan bahawa ia merupakan istilah yang merujuk kepada golongan yang mengikut mazhab Salaf al-Soleh. Mereka berpegang kepada al-Quran, hadis-hadis dan kata-kata yang diriwayatkan daripada Rasulullah s.a.w. dan para sahabat r.a. (Fouzi dan Hamdi, 2013).

Pengenalan Kitab Risalah Manhaj Ahli Sunnah

Sebagaimana telah dinyatakan di atas, Haji Abdul Kadir telah meninggalkan banyak penulisan yang bermanfaat kepada ummah, khususnya dalam bidang akidah. Tetapi dalam penulisan ini, kajian akan memfokuskan kepada salah sebuah kitab beliau, iaitu Risalah Manhaj Ahli Sunnah. Di dalam kitab ini tidak dinyatakan bilakah ia mula dikarang. Namun di akhir tulisannya dijelaskan:

“Selesai menulis risalah ini pada pukul 9.00 pagi, Khamis 11 bulan Jamad al-Awwal sanah (tahun) 1405 Hijrah (bersamaan dengan 1 Februari 1985) pada al-Maahad al-Islami, Wakaf Budi Sekam Mai Patani.” (Abdul Kadir, 1985)

Kitab setebal 48 halaman ini membincangkan mengenai pentafsiran ayat-ayat *mutasyabih* yang terdapat di dalam al-Quran serta khilaf yang berlaku dalam menafsirkannya. Ini adalah sebagai reaksi beliau terhadap ketidak fahaman masyarakat terhadap ayat-ayat sifat di dalam al-Quran. Ini dapat dilihat melalui mukaddimahnyanya:

“Amma ba`du, maka berkata hamba, adalah pada tahun hijrah 1404 bertalu-talu datang soalan daripada saudaraku yang kasih kepada ugama yang bersabit dengan firmanNya ta`ala: “ الرحمن على العرش استوى ” ertinya Tuhan yang bernama Rahman itu atas ‘Arasy tertinggi Ia. Rupa soalan ialah apakah murad (maksud) dan tujuan daripada ayat itu?”. (Abdul Kadir, 1985)

Oleh kerana penulisan kitab ini adalah bertujuan untuk menjelaskan kepada masyarakat awam tentang pemahaman ayat-ayat sifat, beliau telah menggunakan bahasa yang mudah difahami oleh setiap lapisan masyarakat. Kitab ini mudah didapati dipasaran dan ia dicetak oleh Percetakan Saudara Press, Patani.

Perbincangan Ayat-Ayat Mutasyabihat di Dalam Risalah Manhaj Ahli Sunnah

Ulama-ulama telah membahagikan ayat-ayat al-Quran kepada dua bahagian, iaitu *muhkam* dan *mutasyabih*. Menurut al-Zarqani (t.t), *muhkam* ialah apa yang datang daripada nas-nas al-Quran atau hadith yang menunjukkan kepada makna yang jelas dan tidak ada yang tersembunyi padanya. Manakala Manna’ al-Qathan (1992) mentakrifkan *muhkam* ialah apa yang diketahui maknanya, tidak ada kebarangkalian lain dalam pentakwilannya dan difahami daripada dirinya sendiri tanpa memerlukan keterangan yang lain. Mutasyabih pula menurut al-Buty (1975) ialah apa yang tidak pasti maknanya di antara dua takwilan atau lebih, tanpa ada yang dapat

menentukan secara tepat (takwilan tersebut). Manna' al-Qathan (1992) pula mendefinisikan *mutasyabih* ialah lawan bagi *muhkam*, iaitu apa yang diketahui oleh Allah s.w.t. dengan ilmuNya, kebarangkalian takwilnya yang banyak dan apa yang tidak dapat difahami menerusi dirinya sendiri dan perlu kepada penerangan daripada dalil yang lain.

Sebagaimana ulama-ulama yang membicarakan topik *muhkam* dan *mutasyabih* ini, pengarang terlebih dahulu menjelaskan pembahagian ayat-ayat al-Quran dan definisi bagi bahagian-bahagian tersebut. Ini bertujuan untuk memberikan kefahaman awal kepada pembaca tentang perkara yang akan dibincangkan, khususnya masyarakat awam yang tidak memiliki ilmu tentang *muhkam* dan *mutasyabih*.

Di awal kitabnya juga, pengarang telah menjelaskan metode utama dalam menafsirkan dan memahami ayat-ayat *mutasyabih*, iaitu ia sama sekali tidak boleh difahami dengan zahir ayatnya. Beliau menyatakan:

“Jaga-jaga bahawa ayat *mutasyabihaat* itu tidak dipegang dengan zahirnya, bahkan berkata ulama dengan sebegini ibarat: Maka bahawa sesungguhnya ulama menyebut mereka itu akan bahawasanya, setengah daripada humbi-humbi (umbi) dan asal-asal kafir itu ialah mengambil dan berpegang dengan zahir-zahir al-Quran dan al-Sunnah...”(Abdul Kadir, 1985)

Setelah itu beliau menjelaskan pecahan mazhab-mazhab dalam menafsirkan ayat-ayat *mutasyabih*. Mazhab-mazhab ini dibahagikan kepada tiga, iaitu:

- i. Mazhab Abu Hassan al-‘Asya’ari yang berpandangan bahawa *istiwa’*, tangan, wajah, mata dan sebagainya ialah nama bagi segala sifat yang ada pada Allah s.w.t. (termasuk dalam sifat ma’ani¹ bagi Allah s.w.t. seperti qudrat, iradat dan sebagainya).
- ii. Mazhab salaf² seperti Ibn Syihab, Imam Malik dan lain-lain yang menegah penakwilan ayat-ayat *mutasyabihaat* dengan penakwilan *tafsil* (terperinci) dan mereka berpendapat bahawa penggunaan lafaz anggota seperti tangan, muka dan sebagainya bukanlah dengan maksud zahir. Bahkan makna secara *tafsil* itu hanya Allah s.w.t. sahaja yang mengetahuinya. Dalam menjelaskan perihal golongan ini, pengarang mengutarakan pandangannya serta guru-gurunya bahawa golongan ini menyerahkan hakikat sebenarnya kepada Allah s.w.t. selepas mereka mentakwilnya secara ijmal (umum) dan beri’tiqad bahawasanya suci Allah s.w.t. daripada perkara yang tidak layak baginya.
- iii. Mazhab khalaf, iaitu golongan yang mentakwil ayat-ayat *mutasyabihaat* secara takwilan *tafsil* (terperinci) dengan tujuan untuk menerangkannya, seperti mentakwil *istiwa’* dengan memerintah, tangan dengan makna qudrat dan sebagainya.

Selepas menjelaskan pandangan ketiga-tiga mazhab ini, beliau menyimpulkan bahawa kedua-dua golongan, salaf dan khalaf telah mentakwil ayat-ayat *mutasyabihaat* daripada

¹ Sifat yang dinisbahkan kepada makna (erti atau tujuan) seperti mendengar ialah makna atau tujuan yang datang daripada telinga, maka disebut Allah s.w.t. itu bersifat ma’ani sahaja, yakni ia bersifat mendengar dengan tidak sifat telinga kerana ia mendengar tidak dengan telinga (Zakaria, 2007 dan Sanusi, 2014).

² Pengarang berpegang dengan pandangan bahawa golongan salaf ialah golongan yang hidup 500 tahun yang awal, bermula daripada zaman Nabi s.a.w..

maksudnya yang zahir. Kemudiannya golongan salaf menyerahkan maksud hakikat sebenarnya kepada Allah s.w.t. dan golongan khalaf mentakwilnya dengan takwilan *tafsil*.

“Maka nyatalah bagi kita, muslimin dan muslimat yang mencari-cari akan i’tiqad yang sebenar untuk modal kepada akhirat bahawasanya tiap-tiap daripada mazhab salaf dan khalaf itu mesti takwil akan ayat mutasyabihaat itu dengan paling akannya daripada zahirnya yang mustahil itu dan berbeza antara dua mazhab itu kemudian daripada takwil itu pada menyatakan maknanya. Maka salaf menyerah mereka itu akan pengetahuan demikian itu bagi Allah taala dan khalaf takwil mereka itu dengan takwil tafsil dengan menanggungkan tiap-tiap lafaz itu atas satu makna yang tertentu.” (Abdul Kadir, 1985).

Selain itu beliau juga mengaitkan hubungan penakwilan ayat-ayat mutasyabih atau ayat-ayat sifat dengan akidah. Kesilapan atau natijah berpegang kepada zahir ayat boleh membawa kepada batalnya akidah atau dihukumkan sebagai kafir. Ia adalah disebabkan kerana menisbahkan sesuatu yang tidak layak bagi Allah s.w.t. dan menyamakanNya dengan sesuatu. Sedangkan Maha Suci Allah s.w.t. bersifat seperti sifat makhluk. Beliau telah berpandukan kepada dalil daripada *Hasyiah al-Dasuki*:

“Dan ketahuilah engkau sesungguhnya siapa-siapa yang i’tiqad ia akan bahawasanya Allah itu jisim yang seperti segala jisim maka ianya kafir. Dan siapa-siapa i’tiqad ia akan bahawasanya jisim yang tidak seperti segala jisim, maka ianya berdosa, tidak kafir. Dan i’tiqad yang sebenar itu ialah i’tiqad bahawa Allah itu bukannya jisim dan bukannya sifat dan tidak tahu hakikat zatNya melainkan Ia...”(Abdul Kadir, 1985)

Di dalam menghurai dan menjelaskan ayat-ayat *mutasyabih*, pengarang kitab ini telah menjadikan *Tafsir al-Jalalain*, *Hasyiah al-Sowi* (syarah *Tafsir al-Jalalain*), *Hasyiah Jamal* (syarah *Tafsir al-Jalalain*) dan *Tafsir al-Baidhowi* sebagai sumber rujukan utama. Faktor utama kitab-kitab ini menjadi rujukan ialah berkemungkinan kerana beliau menggunakan kitab-kitab ini sebagai kitab pengajian. Maka kitab-kitab tafsir ini secara langsung banyak membantu beliau dalam menghuraikan ayat-ayat *mutasyabihat* tersebut. Tambahan lagi, kitab-kitab tafsir ini cenderung kepada pandangan khalaf dalam menafsirkan ayat-ayat *mutasyabihat*. Di antara contoh huraian ayat-ayat *mutasyabihat* ialah:

i. Huraian ayat 5 surah Toha

Firman Allah s.w.t.:

الرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى ﴿٥﴾

Maksudnya:

Iaitu (Allah) Ar-Rahman, yang bersemayam di atas ‘Arasy.

Beliau menyatakan:

“Di sini berkata dalam Tafsir al-Jalalain استواء يليق به maka erti ayat itu Tuhan yang rahman itu atas ‘Arasy tertinggi Ia. Maka berkata tuan tafsir Jalalain itu sebagai tertinggi yang layak ia dengan Dia, yakni bukanlah dengan makna duduk atasnya

kerana duduk itu tak layak Ia dengan yang bukan jirim. Berkata tuan Hasyiah Showi: Ini ialah jalanan salaf yang menyerah mereka itu akan pengetahuan mutasyabih itu bagi Allah ta'ala....Maka dengan perkataan tafsir Jalalain itu dan juga perkataan Syeikh Ahmad Showi, nyatalah bagi kita yang bukan mujtahid bahawasanya istiwa' yakni tertinggi itu bukanlah dengan makna duduk dan tetap di atas 'Arasy kerana yang demikian itu ialah setengah daripada kelakuan jirim dan jisim". (Abdul Kadir, 1985)

ii. Huraian ayat 10 surah Faatir

مَنْ كَانَ يُرِيدُ الْعِزَّةَ فَلِلَّهِ الْعِزَّةُ جَمِيعًا إِلَيْهِ يَصْعَدُ الْكَلِمُ الطَّيِّبُ وَالْعَمَلُ الصَّالِحُ يَرْفَعُهُ وَالَّذِينَ يَمْكُرُونَ السَّيِّئَاتِ لَهُمْ عَذَابٌ شَدِيدٌ وَمَكْرُ أُولَئِكَ هُوَ يَبُورُ ﴿١٠﴾

Maksudnya:

Sesiapa yang mahukan kemuliaan (maka hendaklah ia berusaha mencarinya dengan jalan mematuhi perintah Allah), kerana bagi Allah jualah segala kemuliaan. Kepada Allah lah naiknya segala perkataan yang baik (yang menegaskan iman dan Tauhid, untuk dimasukkan ke dalam kira-kira balasan), dan amal yang soleh pula di angkatnya naik (sebagai amal yang makbul, yang memberi kemuliaan kepada yang melakukannya).

Beliau menjelaskan:

“KepadaNya lah naik perkataan-perkataan yang baik dan amal yang soleh mengangkat ia akan Dia di sisi tempatNya. Naik kepada Allah s.w.t. memberi faham kata Allah taa'la di atas. Maka berkata di dalam Tafsir al-Baidhowi: Dan naik keduanya kepadaNya itu majaz dengan jalan seiring-seiring (perumpamaan) daripada diterimanya atau naik malaikat yang menulis dengan suratnya bagi keduanya. Dan berkata di dalam Jalalain dan juga Hasyiah al-Showi, naik itu ialah dengan makna mengetahui dan diibaratkan dengan naik itu kerana isyarat bagi terimanya, kerana pahala itu di atas dan tempat azab itu di bawah. Dikatakan pada Lughah Arab ارتفع الأمر إلى القاضي يعني علمه ertinya terangkat dan naik pekerjaan itu kepada kadhi yakni tahu ia akan dia. Pendeknya dengan ayat ini janganlah difahamkan Tuhan duduk di atas”. (Abdul Kadir, 1985)

iii. Huraian ayat 22 surah al-Fajr:

وَجَاءَ رَبُّكَ وَالْمَلَكُ صَفًّا صَفًّا ﴿٢٢﴾

Maksudnya:

Dan (perintah) Tuhanmu pun datang, sedang malaikat berbaris-baris (siap sedia menjalankan perintah).

Beliau menjelaskan:

“Ertinya dan datang Tuhan engkau dan malaikat satu saf satu saf. Kata dalam Hasyiah Showi: Mufassir (ahli tafsir) takdirkan lafaz (أي أمره) yang berertinya yakni pekerjaan itu. Menolak mufassir dengan demikian itu akan barang yang dikatakan.

Sungguhnya datang itu menghendaki ia akan berpindah dan beralih dan ianya atas Allah itu mustahil. Maka jawab mufassir dengan bahawa cakapan itu atas hazaf mudhof (menghapuskan sandaran) ertinya hasil pekerjaanNya dan zahir perintahNya dan tajallinya atas segala hambaNya...Maka dengan ayat ini, janganlah kita pegang kata Tuhan datang sendiri dengan zatNya yang bukan jirim itu.” (Abdul Kadir, 1985)

iv. Huraian ayat12 surah al-Maidah

﴿وَلَقَدْ أَخَذَ اللَّهُ مِيثَاقَ بَنِي إِسْرَائِيلَ وَبَعَثْنَا مِنْهُمُ اثْنَيْ عَشَرَ نَقِيبًا وَقَالَ اللَّهُ إِنِّي مَعَكُمْ لَئِنْ أَقَمْتُمُ الصَّلَاةَ وَآتَيْتُمُ الزَّكَاةَ وَآمَنْتُمْ بِرُسُلِي وَعَزَّرْتُمُوهُمْ وَأَقْرَضْتُمُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا لَأُكَفِّرَنَّ عَنْكُمْ سَيِّئَاتِكُمْ وَلَأُدْخِلَنَّكُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ فَمَنْ كَفَرَ بَعْدَ ذَلِكَ مِنْكُمْ فَقَدْ ضَلَّ سَوَاءَ السَّبِيلِ ﴿١٢﴾﴾

Maksudnya:

Dan Allah berfirman (kepada mereka): "Bahawa Aku adalah beserta kamu (memerhati segala-galanya). Demi Sesungguhnya jika kamu dirikan sembahyang, serta kamu tunaikan zakat, dan kamu beriman Dengan Segala Rasul (utusanku) serta menolong bantu mereka (dalam menegakkan ugama Allah), dan kamu pinjamkan Allah (dengan sedekah dan berbuat baik pada jalanNya) secara pinjaman Yang baik (bukan kerana riak dan mencari keuntungan dunia....

Beliau menyatakan:

“Ertinya dan aku berserta kamu jika berdiri kamu akan sembahyang dan beri kamu akan zakat. Berkata di dalam Jalalain: Berserta dengan menolong. Berkata dalam Hasyiah Jamal: Dan katanya dengan menolong itu ertinya maka yaitu seiring (perumpamaan) daripada kebesaran. Maka dengan ayat ini jangan kita pegang kata zat Tuhan bertempat bersekali dengan orang yang bersembahyang dan berzakat.” (Abdul Kadir, 1985)

Dalam menghuraikan ayat-ayat di atas, jelas menunjukkan bahawa pengarang menggunakan metode yang sama, iaitu terlebih dahulu mendatangkan pandangan ulama tafsir dalam mentakwilnya dan kemudiannya membuat kesimpulan dengan memberikan penegasan agar tidak memahaminya secara zahir nas sahaja.

Di samping mentakwil ayat-ayat *mutasyabihat* menurut manhaj khalaf, pengarang juga menjelaskan betapa perlunya ayat-ayat tersebut ditakwil agar tidak timbul salah faham dalam memahaminya. Perkara ini dijelaskan oleh beliau ketika menafsirkan ayat 4 surah al-Hadid:

“yakni Allah itu serta kamu di mana tempat yang ada kamu. Maka keadaan zatNya Allah taala berserta dengan kamu pada bertempat itu mustahil kerana Allah s.w.t. itu bukan bangsa benda yang bertempat. Kalau begitu nak lari daripada perkara itu tetaplah ditakwilkan berserta itu dengan meliputi pihak ilmu dan sama’ dan basar dan kudrat dan iradat....kemudian kalau ditinggal ayat العرش على الرحمن itu dengan tidak ditakwil

semata-mata pakai zahir Tuhan duduk atas 'Arasy maka ayat ma'akum itu pun ditinggalkan juga dengan tidak takwil, maka membawalah kepada Tuhan bertempat di atas 'Arasy getek (juga) dan bersekali dengan kamu getek. Tambahan pula tak tetap di situ di sini kerana kamu itu bukan tetap satu tempat. Maka membawa kepada mengarut yang amat besar...'(Abdul Kadir, 1985)

Kesimpulan

Daripada kajian yang dilakukan ini, dapatlah disimpulkan bahawa memahami ayat-ayat *mutasyabihat* ini merupakan perkara yang amat penting, khususnya dalam manhaj Ahli Sunnah wa al-Jamaah. Ini kerana ia berkait rapat dengan akidah dan keimanan seseorang. Kesilapan atau menurut manhaj yang silap dalam memahaminya boleh membawa kepada kesesatan dan membatalkan akidah.

Maka kerana itulah Haji Abdul Qadir yang memiliki kepakaran dalam bidang usuluddin telah terpanggil untuk mengarang kitab ini. Karangan beliau ini walaupun kecil pada bentuknya, tetapi amat membantu menjelaskan keraguan dan kesamaran masyarakat dalam memahami ayat-ayat *mutasbihat* atau ayat-ayat sifat di dalam al-Quran. Manhaj khalaf yang digunakan oleh beliau amat membantu dalam memberikan kefahaman dan menghilangkan keraguan dalam memahami ayat-ayat tersebut. Dalam masa yang sama, ketegasannya dalam isu-isu akidah serta kesungguhannya mempertahankan akidah Ahli Sunnah wa al-Jamaah ini perlu dicontohi oleh ulama-ulama masa kini.

Di samping itu perlu diingatkan bahawa kedua-dua manhaj, salaf dan khalaf adalah betul dan benar. Oleh itu janganlah umat Islam bergaduh dan bercakaran hanya kerana pegangan kepada satu-satu manhaj. Tuduhan dan tohmahan bahawa orang yang tidak berpegang dengan manhajnya adalah sesat dan tidak betul akan membawa kepada perpecahan dan pergaduhan sesama Islam yang tiada penghujungnya. Apa yang penting ialah berpegang dengan manhaj yang sah dan benar bagi menjamin betulnya akidah dan i'tikad.

Rujukan

- Abdul Kadir Wangah. 1985. Risalah Manhaj Ahli Sunnah. Patani: Percetakan Saudara Press.
- Ahmad Fathy al-Fatani. 2002. Ulama Besar Dari Patani. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Fathy al-Fatani. T.t. Majalah Pengasuh. Bil 619. Kelantan: Pustaka Aman Press.
- Fouzi al-Anjari dan Hamdi Sinan al-Masri. 2013. Al-Asya'irah: Akidah Sebenar Ahli Sunnah Wal Jamaah. Selangor: AlHimna Enterprise.
- Mana' al-Qatthun. 1992. Mabahith fi Ulum al-Quran. Al-Riyadh: Maktabah al-Maarif lil Nasr wa al-Tauzi'
- Muhamaad Idrus Ramli. 2011. Pengantar Sejarah Ahlussunnah Wal Jamaah. Indonesia: Khalista.
- Muhammad Abdul Azim al-Zarqani. t.t. Manahil 'Urfan fi Ulum al-Quran. Beirut: Dar al-Fikr.
- Muhammad al-Sanusi. 2014. Syarah Ummu Barahim. Pulau Pinang: Darul Busyra.
- Muhammad Said Ramadhan al-Buty. 1975. Min Rawa i' al-Quran. Damsyik: Maktabah al-Farabi.
- Zakaria bin Haji Ahmad. 2007. Sulam al-Tauhid (Tangga Ilmu Tauhid). Kedah: Pustaka Dar al-Salam.